



Tajul Ariffin (kanan) bersama jawatankuasa pemantau melawat pusat pemindahan di Kampung Padang Tapong dekat Jertih.

Baiki pusat pemindahan banjir bermasalah

BESUT – Pusat pemindahan banjir yang tidak sempurna akan dibaiki pulih oleh Kerajaan Negeri bagi memberi keselesaan kepada mangsa banjir.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tajul Ariffin Mohamad berkata, sepasukan pegawai terdiri daripada wakil beberapa agensi peringkat negeri dan daerah pergi ke setiap daerah untuk untuk meninjau pusat pemindahan bermasalah.

Menurutnya, secara puratanya di setiap kawasan Dun yang terlibat banjir, sebanyak dua hingga empat pusat pemindahan dilawati, bergantung kepada masalah kecil dihadapi.

“Pasukan tersebut terdiri daripada Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Pembangunan Daerah dan Negeri (ICU) serta MKN,” katanya.